

Declaration/Disclosure By Applicant

Pengisytiharan/Pendedahan Oleh Pemohon

By submitting this application, I confirm that I have made the following declarations:-

Dengan mengemukakan permohonan ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membuat pengisytiharan berikut:-

1. **ACCURATE & COMPLETE INFORMATION:** All the information given by me in my application for e-Zi Tunai Personal Loan ("Loan") is true, accurate and complete. I have not withheld any information which may prejudice my loan application or have a bearing on CIMB Bank Berhad's [Registration No. 197201001799 (13491-P)] ("the Bank") decision. I also understand that if any document or information provided by me is forged, inaccurate, untrue or fraudulent or there are changes to such documents or information the Bank may reject my application or vary the loan amount accordingly. If any information provided by me or contained in this application (including my email address) is inaccurate or incomplete or does not contain the latest information, I acknowledge and agree that I must first request to update my information before proceeding with this application for the Loan.

MAKLUMAT TEPAT & LENGKAP: *Semua maklumat yang saya berikan dalam permohonan saya untuk Pinjaman Peribadi e-Zi Tunai ("Pinjaman") adalah benar, tepat dan lengkap. Saya tidak menyembunyikan sebarang maklumat yang mungkin memprasangkakan permohonan pinjaman saya atau memberi kesan ke atas keputusan CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran 197201001799 (13491-P)] ("Bank"). Saya juga faham bahawa jika sebarang dokumen atau maklumat yang saya berikan adalah palsu, tidak tepat, tidak benar atau penipuan atau terdapat perubahan pada dokumen atau maklumat tersebut, Bank boleh menolak permohonan saya atau mengubah jumlah pinjaman dengan sewajarnya. Jika sebarang maklumat yang saya berikan atau terkandung dalam permohonan ini (termasuk alamat e-mel saya) adalah tidak tepat atau tidak lengkap atau tidak mengandungi maklumat terkini, saya mengakui dan bersetuju bahawa saya mesti terlebih dahulu meminta untuk mengemas kini maklumat saya sebelum meneruskan permohonan ini untuk Pinjaman.*

2. **THE BANK'S RIGHT TO REJECT:** I acknowledge that the Loan is provided by the Bank and the Bank reserves the right to reject this application without assigning any reasons whatsoever. I agree the Bank may cancel and terminate the Loan even after the Loan is approved and/or I have accepted the Loan due to any of the following reasons:

HAK BANK UNTUK MENOLAK: *Saya mengakui bahawa Pinjaman adalah disediakan oleh Bank dan Bank berhak untuk menolak permohonan ini tanpa memberikan sebarang sebab. Saya bersetuju bahawa Bank boleh membatalkan dan menamatkan Pinjaman walaupun selepas Pinjaman diluluskan dan/atau saya telah menerima Pinjaman atas mana-mana sebab berikut:*

- (a) the Loan cannot be disbursed within fourteen (14) days from my acceptance of the Loan offer or such other period as the Bank may decide because I have given an incorrect savings or current or eWallet account number or my eWallet has insufficient account limit;
Pinjaman tidak dapat dilepaskan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan tawaran Pinjaman oleh saya atau tempoh lain yang diputuskan oleh Bank kerana saya telah memberikan nombor akaun simpanan atau semasa atau eDompert yang tidak betul atau eDompert saya mempunyai had akaun yang tidak mencukupi;
- (b) information or data given by me is false, inaccurate and/or incomplete;
maklumat atau data yang saya berikan adalah palsu, tidak tepat dan/atau tidak lengkap;
- (c) there are material changes to my financial condition;
terdapat perubahan ketara pada keadaan kewangan saya;

- (d) the conduct of my accounts held with the Bank or CIMB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”) are suspicious or abnormal;
kelakuan akaun saya yang dipegang dengan Bank atau CIMB Islamic adalah mencurigakan atau tidak normal;
- (e) disruption caused by any system failure beyond the Bank’s reasonable control;
gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Bank;
- (f) an event or circumstance occurs which affects the Bank’s decision in granting or proceeding with disbursement of the Loan;
berlaku kejadian atau keadaan yang mempengaruhi keputusan Bank dalam memberikan atau meneruskan pelepasan Pinjaman;
- (g) I am unable to repay the Loan and/or to comply with my obligations under the terms and conditions of the Loan; or
saya tidak dapat membayar balik Pinjaman dan/atau memenuhi obligasi saya di bawah terma-terma dan syarat-syarat Pinjaman; atau
- (h) due to any other reasons not attributable to the Bank.
sebarang sebab lain yang tidak boleh dikaitkan kepada Bank.

I agree that the Bank is not obliged to disclose the reason(s) or give prior notice to me but the Bank will inform me of the cancellation accordingly.

Saya bersetuju bahawa Bank tidak wajib untuk mendedahkan sebab atau memberikan notis terdahulu kepada saya tetapi Bank akan memaklumkan kepada saya tentang pembatalan tersebut.

3. **BANKRUPTCY & LEGAL ACTION:** I have not committed any act of bankruptcy and/or been adjudged a bankrupt and there is no on-going legal action against me.

KEBANKRAPAN & TINDAKAN UNDANG-UNDANG: *Saya tidak pernah melakukan sebarang tindakan kebangkrapan dan/atau dihakimi sebagai bankrap dan tiada tindakan undang-undang yang sedang diambil terhadap saya.*

4. **AUTHORISE THE BANK TO OBTAIN EXTERNAL INFORMATION:** The Bank is authorised to verify and/or conduct any checks and/or obtain any information and/or confirmation at any time now and/or in the future, with or from any source, my previous, current and future employers and/or Central Credit Reference Information System (“**CCRIS**”) and/or any credit reference/reporting agencies registered under the Credit Reporting Agencies Act 2010 and/or any financial institution and for such party(s) to process and disclose my information to the Bank to consider this application. I also consent and authorise the Bank to disclose any of my credit information to any such credit reference/reporting agencies and for them to further transmit such information to their subscribers for purposes of fraud detection and fraud prevention.

MEMBENARKAN BANK UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LUAR: *Bank diberi kuasa untuk menentusahkan dan/atau membuat apa-apa semakan dan/atau mendapatkan sebarang maklumat dan/atau pengesahan pada bila-bila masa sekarang dan/atau pada masa depan, dengan atau daripada apa-apa sumber, majikan dahulu, sekarang dan masa depan saya dan/atau Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“**CCRIS**”) dan/atau mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 dan/atau mana-mana institusi kewangan dan bagi pihak tersebut untuk memproses dan mendedahkan maklumat saya kepada Bank untuk mempertimbangkan permohonan ini. Saya juga membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan mana-mana maklumat kredit saya kepada mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit tersebut dan bagi mereka untuk terus*

menghantar maklumat tersebut kepada pelanggan-pelanggan mereka untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

5. **DISCLOSURE OF INFORMATION:** I hereby agree, consent to and authorize the Bank to disclose any information relating to me, the Loan, my affairs and/or any accounts, products and/or services provided by the Bank to me to:

PENDEDAHAN MAKLUMAT: *Saya dengan ini bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan saya, Pinjaman, hal ehwal saya dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank kepada saya untuk:*

- a. any of its agents, service providers, auditors, legal counsel and/or professional advisors, in or outside Malaysia;
mana-mana ejen pihak Bank, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan/atau penasihat profesionalnya, di dalam atau di luar Malaysia;
- b. the entities within the corporate group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank's ultimate holding company ("Group Companies") whether such Group Companies are residing, situated, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia;
entiti dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut menetap, terletak, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia;

for facilitating the business, operations, provision of the Loan, financial product/facilities and performance of the contract, services of or granted or provided by the Bank and/or the Group Companies to their customers, as well as to:

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Pinjaman, produk/kemudahan kewangan dan prestasi kontrak, perkhidmatan atau yang diberikan atau yang disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka, serta untuk:

- c. any tribunal, courts, governmental agencies or bodies or other relevant authorities to whom the Bank is required to make disclosures or have jurisdiction over the Bank whether in or outside Malaysia in order to comply with any order, demand, request or reporting requirement or for the purposes of litigation or potential litigation involving the Bank as and when required or requested to do so from time to time and at any time;
mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan atau permohonan atau keperluan pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi melibatkan Bank apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- d. any company and/or organisation that assist or facilitate the processing and/or fulfillment of transactions or instructions that I have requested and/or given to the Bank;
mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang telah saya minta dan/atau berikan kepada Bank;
- e. any potential transferee or assignee with whom the Bank is negotiating the transfer, assignment and novation of the rights or obligations under or by reference to the Loan; and
mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpotensi dengan mana Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan pembaharuan hak atau obligasi di bawah atau dengan merujuk kepada Pinjaman; dan

- f. such third parties as specifically identified and for the purpose(s) as stated in the respective terms and conditions governing the Loan, each account, product and/or service, which provides for the disclosure of information as well as such third parties and for the purpose(s) as identified in the CIMB Group Privacy Notice under the heading of 'Disclosure of Your Personal Information' and 'How We Use Your Personal Information' respectively.

pihak ketiga seperti yang dikenal pasti secara khusus dan untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat masing-masing yang mentadbir Pinjaman, setiap akaun, produk dan/atau perkhidmatan, yang menyediakan pendedahan maklumat serta pihak ketiga tersebut dan untuk tujuan-tujuan seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Cara Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

I understand and agree that the consent given above cannot be withdrawn where such disclosure of my information is necessary for the provision of the Loan, account, product and/or service or the performance of the contract with me to comply with contractual requirements or to comply with any legal requirements. *Saya faham dan bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat saya adalah perlu untuk penyediaan Pinjaman, akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan saya untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi dengan sebarang keperluan undang-undang.*

Disclosure by the Bank to Group Companies (within Malaysia) may also be for cross-selling purposes of the Bank and/or the Group Companies provided always that **disclosure for cross-selling purposes shall not be effected if such disclosure is objected by me.**

*Pendedahan oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) juga mungkin untuk tujuan jualan silang Bank dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat bahawa **pendedahan untuk tujuan jualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan tersebut dibantah oleh saya.***

I understand and agree that the Bank may also disclose my information such as name and contact details (excluding my affairs or the Loan or account) to third party business partners and strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes if my consent has been obtained.

Saya faham dan bersetuju bahawa Bank juga boleh mendedahkan maklumat saya seperti nama dan butir-butir hubungan (tidak termasuk hal ehwal saya atau Kemudahan atau akaun) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika persetujuan saya telah diperolehi.

I acknowledge and understand that the disclosure of my information above by the Bank to Group Companies (within Malaysia) and to third party business partners and/or strategic alliance partners for cross selling, marketing and promotional purposes may be revoked or withdrawn by me at any time by contacting the Bank at the following telephone number or address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to me): Customer Resolution Unit (CRU) P. O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / email: contactus@cimb.com

Saya mengakui dan memahami bahawa pendedahan maklumat saya di atas oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan/atau rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi boleh dibatalkan atau ditarik balik oleh saya pada bila-bila masa dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada saya): Unit Resolusi Pelanggan (CRU) P. O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com

6. **ANTI-MONEY LAUNDERING:** I am the principal borrower in relation to the Loan and no other person has or will have any interest in the Loan. I will not use the Loan for money laundering purposes or violate any laws relating to money laundering. I undertake to provide the Bank with all relevant information and documents, as and when requested, for purposes of verification of my identification and/or the source of my funds and/or complying with the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ("**AMLA**") and other regulatory requirements. All monies which will be paid to the Bank will come from a lawful source of activity and not any unlawful activity as defined under the AMLA.
- PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM:** *Saya adalah peminjam utama berhubung dengan Pinjaman dan tiada orang lain mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Pinjaman. Saya tidak akan menggunakan Pinjaman untuk tujuan pengubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram. Saya berakujanji untuk memberikan kepada Bank semua maklumat dan dokumen yang berkaitan, semasa dan apabila diminta, untuk tujuan pengesahan pengenalan saya dan/atau sumber dana saya dan/atau mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("**AMLA**") dan keperluan pengawalseliaan lain. Semua wang yang akan dibayar kepada Bank akan datang dari sumber aktiviti yang sah dan bukannya sebarang aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLA.*
7. **TAXES:** I am aware that the Loan/account may be subject to taxes (including but not limited to indirect taxes or withholding taxes), where applicable, as may be imposed by the Government of Malaysia or by any other government in any jurisdiction and I hereby further agree that I shall be liable for any taxes payable in connection with or arising out of Loan/account and I hereby authorise the Bank to debit my account with the Bank for the same.
- CUKAI:** *Saya sedar bahawa Pinjaman/akaun mungkin tertakluk kepada cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai tidak langsung atau cukai pegangan), jika berkenaan, seperti yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau oleh mana-mana kerajaan lain dalam mana-mana bidang kuasa dan saya dengan ini seterusnya bersetuju bahawa saya akan bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai yang perlu dibayar berkaitan dengan atau timbul daripada Pinjaman/akaun dan saya dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun saya dengan Bank untuk perkara yang sama.*
8. **DECLARATION OF FOREIGN TAX RESIDENCY STATUS:** I hereby confirm that (i) I am not a U.S. Resident nor a Foreign Tax Resident (including current work permit); (ii) I am not a U.S. Citizen or a Citizen of a U.S. Territory or a Foreign Country; and (iii) I do not hold a U.S. Permanent Resident Card (Green Card). Subject to the applicable local laws, I hereby consent for CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, its parent or ultimate holding company or any of its affiliates (including branches) (collectively known as "**CIMB Group**") to share my information with domestic or overseas regulators or tax authorities where necessary to establish my tax liability in any/or the relevant jurisdiction. Where required by domestic or overseas regulators or tax authorities, I also understand and agree that CIMB Group may be required to obtain additional documents and/or forms, which I will sign, if I am subject to the relevant jurisdiction's requirements. Where required by domestic or overseas regulators or tax authorities, I understand and agree that CIMB Group may withhold, and pay out, from my account(s) such amounts as may be required according to applicable laws, regulations, directives, and/or agreements with and/or from domestic or overseas governmental, supervisory or regulatory authorities. I also agree and undertake to notify CIMB Group (within 30 calendar days), or provide the information if requested by CIMB Group, if there is a change in any information which I have provided to CIMB Group.
- PENGISYTIHARAN STATUS PEMASTAUTIN CUKAI ASING:** *Saya dengan ini mengesahkan bahawa (i) saya bukan Pemastautin Amerika Syarikat mahupun Pemastautin Cukai Asing (termasuk permit kerja semasa); (ii) Saya bukan Warganegara Amerika Syarikat atau Warganegara Wilayah Amerika Syarikat atau Negara Asing; dan (iii) Saya tidak memegang Kad Pemastautin Tetap Amerika Syarikat (Kad Hijau). Tertakluk*

kepada undang-undang tempatan yang terpakai, saya dengan ini membenarkan CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, syarikat induk atau syarikat induk muktamadnya atau mana-mana daripada syarikat-syarikat sekutunya (termasuk cawangan) (secara kolektif dikenali sebagai “**Kumpulan CIMB**”) untuk berkongsi maklumat saya dengan penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara apabila perlu untuk menentukan liabiliti cukai saya dalam mana-mana/atau bidang kuasa yang berkenaan. Jika dikehendaki oleh penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara, saya juga memahami dan bersetuju bahawa Kumpulan CIMB mungkin dikehendaki untuk mendapatkan dokumen dan/atau borang tambahan, yang akan ditandatangani oleh saya, sekiranya saya tertakluk kepada keperluan bidang kuasa yang berkenaan. Jika dikehendaki oleh penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa cukai dalam atau luar negara, saya memahami dan bersetuju bahawa Kumpulan CIMB boleh menahan, dan membayar, dari akaun saya amaun yang mungkin diperlukan mengikut undang-undang, peraturan, arahan dan/atau perjanjian dengan dan/atau daripada pihak berkuasa kerajaan, penyelia atau penguatkuasa undang-undang dalam atau luar negara. Saya juga bersetuju dan berjanji untuk memaklumkan Kumpulan CIMB (dalam tempoh 30 hari kalendar), atau memberikan maklumat jika diminta oleh Kumpulan CIMB, jika terdapat perubahan dalam sebarang maklumat yang saya berikan kepada Kumpulan CIMB.

9. **DECLARATION ON POLITICALLY EXPOSED PERSON (“PEP”):** I declare that I am NOT/ NOT used to be formerly a PEP¹/ Family Member of the PEP²/ Close Associates of the PEP³.

Notes:

¹ Politically Exposed Person (“PEP”) – a person who is or has been entrusted with a prominent public function domestically or by a foreign country (for example, Heads of State or of government, senior politicians, senior government (includes federal, state and local government), judicial or military officials, senior executives of state owned corporations or important political party officials) or a person who is or has been entrusted with a prominent function by an international organization which refers to a member of senior management (for example, director, deputy director and member of the board or equivalent functions).

² Family Member of the PEP – a person who is related to a PEP either directly (consanguinity) or through marriage. For example, spouse, child, parents, parents-in-law or siblings for both biological or non-biological relationships.

³ Close Associates of the PEP – a person who is closely connected to a PEP, either socially or professionally. For example, extended family member such as relative (biological and non-biological relationship), financially dependent individual (e.g. a person salaried by the PEP such as driver, bodyguard, secretary), business partner or associate of PEP, prominent member of the same organisation as the PEP, individual working closely with the PEP (e.g. work colleague), close friend, political adviser, guarantor, lawyer or person acting on behalf.

PENGISYTIHARAN MENGENAI INDIVIDU YANG MEMPUYAI PENGARUH POLITIK (“PEP”): Saya mengaku bahawa saya BUKAN/ TIDAK pernah menjadi PEP¹/ Ahli Keluarga kepada PEP²/ Sekutu rapat PEP³.

Nota:

¹ Individu yang mempunyai pengaruh politik (“PEP”) - seseorang yang sedang atau telah diamanahkan dengan fungsi awam utama di dalam negara atau oleh negara asing (contohnya, Ketua Negara atau kerajaan, ahli politik kanan, kerajaan kanan (termasuk kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan), pegawai kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan perbadanan milik kerajaan atau pegawai penting dalam parti politik) atau seseorang yang atau telah diamanahkan dengan fungsi utama oleh organisasi antarabangsa yang merujuk kepada anggota pengurusan kanan (contohnya, pengarah, timbalan pengarah dan anggota lembaga pengarah atau fungsi yang setaraf).

² Ahli Keluarga kepada PEP – seseorang yang berkaitan dengan PEP sama ada secara langsung (kekeluargaan) atau melalui perkahwinan. Contohnya, pasangan, anak, ibu bapa, ibu bapa pasangan atau adik-beradik untuk kedua-dua hubungan biologi atau bukan biologi.

³ Sekutu rapat PEP – seseorang yang berkait rapat dengan PEP, sama ada secara sosial atau profesional. Sebagai contoh, ahli keluarga besar seperti saudara-mara (hubungan biologi dan bukan biologi), individu yang bergantung dari segi kewangan (contohnya seseorang yang dibayar gaji oleh PEP seperti pemandu, pengawal peribadi, setiausaha), pekongsi perniagaan atau sekutu kepada PEP, anggota utama dalam satu organisasi yang sama dengan PEP, individu yang bekerja rapat dengan PEP (contoh rakan sekerja), kawan rapat, penasihat politik, penjamin, peguam atau orang yang bertindak bagi pihak.

10. **PRIVACY NOTICE ACKNOWLEDGEMENT:** I have accessed and/or read the Privacy Notice issued by CIMB Group which is available at the Bank's website at www.cimb.com.my or has otherwise been made available to me and confirm my agreement to the same.

PENGAKUAN NOTIS PRIVASI: Saya telah mengakses dan/atau membaca Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Kumpulan CIMB yang boleh didapati di laman web Bank di www.cimb.com.my atau sebaliknya telah disediakan kepada saya dan mengesahkan persetujuan saya kepadanya.

11. **CCRIS UPDATE:** I acknowledge that it is a requirement by Bank Negara Malaysia ("BNM") that all information relating to this application, whether successful or otherwise must be updated and/or transmitted to the CCRIS, a database maintained by BNM.

KEMASKINI CCRIS: Saya mengakui bahawa ia adalah satu keperluan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan permohonan ini, sama ada berjaya atau sebaliknya mesti dikemas kini dan/atau dihantar ke CCRIS, pangkalan data yang dikekalkan oleh BNM.

12. **PRODUCT KEY CONTRACT TERMS:** I acknowledge that the key contract terms affecting my obligations in relation to the Loan have been adequately explained to me.

TERMA-TERMA KONTRAK UTAMA PRODUK: Saya mengakui bahawa terma-terma kontrak utama yang melibatkan kewajipan saya berhubung dengan Pinjaman telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya.

13. **LOAN TERMS AND CONDITIONS:** I have read and understood the Terms and Conditions of the e-Zi Tunai Personal Loan which is available at the CIMB website at www.cimb.com.my or has otherwise been made available to me and agree to be bound by the same.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PINJAMAN: Saya telah membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pinjaman Peribadi e-Zi Tunai yang boleh didapati di laman web CIMB di www.cimb.com.my atau sebaliknya telah disediakan kepada saya dan bersetuju untuk terikat olehnya.

14. **PRODUCT DISCLOSURE SHEET:** I have read and understood the Product Disclosure Sheet that sets out the key information in relation to the Loan.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK: Saya telah membaca dan memahami Lembaran Pendedahan Produk yang menyatakan maklumat penting berhubung dengan Pinjaman.

15. **DISBURSEMENT:** I authorise the Bank to disburse the Loan into my own personal savings/current account with the Bank or CIMB Islamic Bank or any other banks in Malaysia, or my Touch 'n Go eWallet account ("eWallet Account") as nominated by me and approved by the Bank. I understand that the disbursement of the Loan to my eWallet Account, is subject to its maximum account limit, and I agree that if no account number has been provided by me for the disbursement of the Loan, I hereby instruct the Bank to disburse the Loan into any of my active savings or current account with the Bank or CIMB Islamic Bank. If the account number provided by me for the disbursement of the Loan amount is invalid, I hereby instruct the Bank to credit the Loan amount at its sole discretion into any of my savings or current account with the Bank or CIMB Islamic Bank. The savings/current account or eWallet Account for which the Loan is actually disbursed is hereinafter referred to as the "Crediting Account".

PEMBAYARAN: Saya memberi kuasa kepada Bank untuk melepaskan Pinjaman ke dalam akaun simpanan/semasa peribadi saya sendiri dengan Bank atau CIMB Islamic Bank atau mana-mana bank lain di Malaysia, atau akaun eDompot Touch 'n Go saya ("Akaun eDompot") seperti yang dinamakan oleh saya dan diluluskan oleh Bank. Saya faham bahawa pengagihan Pinjaman ke Akaun eDompot saya, adalah tertakluk kepada had akaun maksimumnya, dan saya bersetuju bahawa jika tiada nombor akaun yang telah diberikan oleh saya untuk pelepasan jumlah Pinjaman, saya dengan ini mengarahkan Bank untuk mengkreditkan jumlah Pinjaman ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa saya dengan Bank atau CIMB Islamic Bank. Jika nombor akaun yang diberikan oleh saya untuk pelepasan jumlah Pinjaman adalah tidak sah, saya dengan ini mengarahkan Bank untuk mengkreditkan jumlah Pinjaman mengikut budi bicara mutlaknyanya ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa saya dengan Bank atau CIMB Islamic Bank. Akaun simpanan/semasa atau Akaun eDompot di mana Pinjaman sebenarnya dilepaskan selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Pengkreditan".

16. **ADVANCE PAYMENT:** I acknowledge and understand any payment more than the amount due to the Bank will be treated by the Bank as advance repayments and will not be applied toward the reduction of the loan amount outstanding. The Bank will not pay any interest on amounts which have been treated as advance repayments.

BAYARAN PENDAHULUAN: Saya mengakui dan memahami sebarang pembayaran yang melebihi jumlah yang kena dibayar kepada Bank akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran balik pendahuluan dan tidak akan digunakan untuk mengurangkan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan. Bank tidak akan membayar sebarang faedah ke atas jumlah yang dianggap sebagai bayaran balik pendahuluan.

17. **PERSONAL USE ONLY:** I declare that I am applying for this Loan for personal use only and the account provided by me for the disbursement of the Loan is my own personal savings or current account or eWallet Account and not a joint or third party account.

BAYARAN PENDAHULUAN: Saya mengakui dan memahami sebarang pembayaran yang melebihi jumlah yang kena dibayar kepada Bank akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran balik pendahuluan dan tidak akan digunakan untuk mengurangkan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan. Bank tidak akan membayar sebarang faedah ke atas jumlah yang dianggap sebagai bayaran balik pendahuluan.

18. **eWALLET DISBURSEMENT:** If I have selected my eWallet Account to receive the Loan, I acknowledge that once the Loan has been disbursed by the Bank, it is my responsibility to ensure my eWallet Account limit is sufficient to enable TNG Digital Sdn Bhd [Registration No. 201701042478 (1256651-M)] ("**TNGD**") to reload the Loan into my eWallet Account. I understand that the interest on the Loan will accrue and be calculated from the day the Loan has been disbursed even if the Loan is not reloaded into my eWallet Account due to insufficient eWallet Account limit.

PELEPASAN eDOMPOT: Jika saya telah memilih Akaun eDompot saya untuk menerima Pinjaman, saya mengakui bahawa sebaik sahaja Pinjaman dilepaskan oleh Bank, ia adalah tanggungjawab saya untuk memastikan had Akaun eDompot saya mencukupi untuk membolehkan TNG Digital Sdn Bhd [Pendaftaran No. 201701042478 (1256651-M)] ("**TNGD**") untuk menambah nilai Pinjaman ke dalam Akaun eDompot saya. Saya faham bahawa faedah ke atas Pinjaman akan terakru dan dikira dari hari Pinjaman telah dilepaskan walaupun Pinjaman tersebut tidak ditambah nilai ke dalam Akaun eDompot saya disebabkan had Akaun eDompot tidak mencukupi.

19. **STATEMENT(S) OF ACCOUNT(S) VIA EMAIL ONLY:** I acknowledge and agree that the latest email address given by me in this application shall be updated in the records of the Bank and CIMB Islamic Bank. It shall be used for purposes of sending me my statement(s) of account(s) for all my products (except for credit card and auto finance, if any) and that I will no longer receive hard copy statements.

PENYATA AKAUN MELALUI E-MEL SAHAJA: Saya mengaku dan bersetuju bahawa alamat e-mel terkini yang diberikan oleh saya dalam permohonan ini akan dikemas kini dalam rekod Bank dan CIMB Islamic Bank. Ia akan digunakan untuk tujuan menghantar kepada saya penyata akaun saya untuk semua produk saya (kecuali untuk kad kredit dan pembiayaan auto, jika ada) dan bahawa saya tidak lagi akan menerima penyata salinan cetak.

20. **CONNECTED PARTY(IES):** In connection with the Bank Negara Guidelines on Credit Transactions and Exposures with Connected Parties, I hereby declare that to the best of my knowledge, I have **NO** close relative(s)¹ employed under the **CIMB Group** who is responsible for or has the authority to appraise and/or approve credit transactions or review the status of existing credit transactions, either as a member of a committee (e.g. Credit or Investment Committee) or individually.

Notes:

¹Close relative means those family members who may be expected to influence or be influenced by that individual, as well as dependents of the individual. This includes the individual's: (i) spouse and dependents of the spouse; (ii) child (including stepchildren and adopted children) and spouse of the child; (iii) parent; and (iv) brother or sister and their spouse.

PIHAK BERKAIT: Berhubung dengan Garis Panduan Bank Negara mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkait, saya dengan ini mengisytiharkan bahawa setakat yang saya ketahui, saya **TIADA** saudara-mara terdekat¹ yang digaji di bawah **Kumpulan CIMB** yang bertanggungjawab untuk atau mempunyai kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan transaksi kredit atau menyemak status transaksi kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli jawatankuasa (contohnya Jawatankuasa Kredit atau Pelaburan) atau secara individu.

Nota:

¹Saudara-mara terdekat bermaksud ahli keluarga yang mungkin dijangka mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu tersebut, serta tanggungan individu tersebut. Ini termasuk: (i) pasangan dan tanggungan pasangan; (ii) anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan anak; (iii) ibu bapa; dan (iv) abang atau kakak serta pasangan mereka.

21. **DEDUCTION:** I hereby acknowledge, understand and agree that TNGD shall have the right to deduct, in part or in full, any of my accounts maintained with TNGD including my eWallet Account, to set off or repay any default in instalments and/or payment of any other fees or applicable charges under Loan.

POTONGAN: Saya dengan ini mengakui, memahami dan bersetuju bahawa TNGD mempunyai hak untuk menolak, secara sebahagian atau sepenuhnya, mana-mana akaun saya yang dikekalkan dengan TNGD termasuk Akaun eWallet saya, untuk menolak atau membayar sebarang kegagalan dalam ansuran dan/atau pembayaran mana-mana yuran atau caj yang berkenaan di bawah Pinjaman.